

27/02/1997

Jangan tenggelamkan isu pokok

DALAM menangani masalah sosial, apa saja tindakan yang diambil oleh mana-mana pihak, sama ada polis, guru, ibu bapa atau media, peraturan dan undang-undang sedia ada tidak boleh diketepikan. Semua tindakan terhadap pesalah, tanpa mengira usia mereka, mesti berlandaskan peruntukan undang-undang agar semua pihak dilihat mendapat keadilan dan tidak diperlakukan sewenang-wenangnya.

Kita mengambil contoh tindakan menggari pelajar sekolah yang ditahan kerana disyaki terbabit dalam kegiatan jenayah. Tindakan polis itu dilihat oleh pelbagai pihak sebagai menyalahi peruntukan Akta Mahkamah Juvana. Polis dikatakan tidak boleh menggari seorang remaja yang disyaki terbabit dalam jenayah kerana seorang juvana, dan 'layanan' yang diberi kepada seorang juvana seharusnya berbeza daripada seorang pesalah dewasa.

Walaupun Ketua Polis Negara, Tan Sri Rahim Noor tidak dapat memberi jaminan bahawa polis tidak akan menggari pelajar sekolah kerana bimbang mereka melarikan diri, kita bersetuju pelajar berkenaan tidak dikenakan tindakan sedemikian. Seperti kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pihak polis sepatutnya menggunakan budi bicara ketika menahan pelajar terbabit. Kita berpendapat jika polis bimbang pelajar yang ditahan akan melarikan diri dan terpaksa menggunakan gari untuk mengelakkan perkara itu daripada berlaku, mungkin lebih ramai anggota polis boleh ditugaskan untuk mengiringi mereka ke balai polis.

Tindakan polis itu sebenarnya menjadi isu apabila media menyiarkan gambar pelajar sebuah sekolah digari ketika dibawa ke balai polis. Tindakan media menyiarkan gambar berkenaan turut dipertikaikan kerana menyalahi Akta Juvana. Mengikut beberapa peguam, akta itu menetapkan nama, alamat, sekolah dan gambar juvana tidak boleh disiarkan di akhbar. Kita akui semua pihak harus mematuhi undang-undang yang sedia ada bagi menjamin keadilan tetapi kita yakin tindakan media menyiarkan gambar seperti itu sekurang-kurangnya dapat menyedarkan masyarakat mengenai perlakuan juvana dalam masyarakat.

Bagaimanapun kita ingin bertanya sama ada isu menggari pelajar harus diperbesar-besarkan sehingga isu pokok iaitu masalah gejala sosial di sekolah, ditenggelamkan? Adakah perlu semua pihak, termasuk guru, peguam, ibu bapa, pemimpin belia dan pakar perubatan, membincangkan tindakan polis yang dikatakan tidak sepatutnya dilakukan dan boleh meninggalkan kesan buruk kepada juvana terbabit? Kita mendapati seolah-olah isu gari yang menjadi isu pokok sekarang dan semua pihak seperti sudah lupa bahawa masyarakat kini berdepan dengan pelajar yang mempunyai masalah disiplin di sekolah. Kita berpendapat isu polis menggari pelajar adalah isu sampingan dan tidak perlu diperbesar-besarkan sehingga berlarutan hingga kita lupa masalah sebenar.

Sepatutnya isu itu berakhir dengan teguran Perdana Menteri dan masyarakat seterusnya membaca dan mendengar pendapat peguam, guru, ibu bapa dan pakar perubatan mengenai langkah yang perlu diambil untuk mengatasi masalah kegiatan jenayah di sekolah. Kita pasti polis prihatin pandangan umum mengenai segala tindakan yang diambilnya dan sudah pasti mengambil iktibar daripada rasa tidak senang masyarakat terhadap tindakannya itu. Jika pun pihak polis bersalah, kita tidak perlu mencemuhkannya secara berpanjangan. Perlu diingat, seseorang polis juga boleh dikenakan tindakan mahkamah dan tatatertib jika cuai sehingga menyebabkan tahanan dapat melepaskan diri.

Seperkara lagi yang perlu difikirkan ialah jika kita terus menyalahkan polis kerana tindakannya, apakah pandangan pelajar terhadap pasukan yang diberi tanggungjawab menguatkuasakan undang-undang bagi menjaga keamanan negara kita? Apakah seluruh masyarakat pelajar, dengan adanya satu golongan dewasa yang sentiasa tidak senang dengan tindakan polis, dapat menganggap pasukan itu sebagai kawan dan bukan lawan. Kita tidak mahu kredibiliti dan kewibawaan polis dipersoalkan hingga pelajar akhirnya tidak takut melakukan jenayah kerana tahu ada pihak yang akan mempertahankan `hak' mereka.

Kita juga menyambut baik ingatan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim supaya media lebih peka dengan Akta Juvana dan menghormati perasaan pelajar yang ditangkap kerana memiliki dadah. Kita yakin kebanyakan media memahami tanggungjawabnya dan akur dengan kehendak undang-undang. Apa yang penting ialah kita mesti memberi kepercayaan penuh kepada polis menjalankan tugas kerana pasukan itu saja yang mempunyai kemampuan mengesan perlakuan jenayah.

(END)